

# HUMS jalin kolaboratif jayakan Program Saringan Kanser Payudara di Pulau Gaya

UB 30.08.2023 P.03

**KOTA KINABALU:** Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) melalui pasukan CERAH (Cancer Empowerment, Outreach & Awareness HUMS) menjalinkan kolaboratif dalam menjayakan program Saringan Kanser Payudara di Pulau Gaya, dekat sini baru-baru ini.

Kolaboratif ini melibatkan Kinabalu Pink Ribbon (KPR), Hospital Queen Elizabeth 2, Hospital KPJ serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Penyelaras program CERAH, Dr Nurfarahin Musa, berkata program itu bertujuan mengulurkan bantuan kesihatan awam kepada penduduk Pulau Gaya.

"Selain itu, ia bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penyakit kanser payudara.

"Sepanjang program ini, saringan kepada pesakit-pesakit yang berpotensi menghidap kanser payudara juga dilaksanakan," katanya.

Nurfarahin berkata menerusi program itu, pihak LPPKN juga memberikan subsidi 30 ujian HPV DNA dan 17 pakej saringan mamogram ke Hospital Gleneagles kepada pihak penduduk tempatan, selain KPR yang turut berjaya memberi bantuan sebanyak 100 bakul makanan kepada penduduk tempatan di Pulau Gaya.

"Sejumlah 12 lelaki dan 90 wanita telah berjaya disaring sepanjang program berlangsung. Hasil saringan telah mendapati lapan individu diklasifikasikan berisiko tinggi dan dirujuk untuk menjalani ujian diagnostik mamogram, manakala 17 individu diklasifikasikan berisiko sederhana dan dirujuk untuk siasatan susulan," katanya.

Setiausaha Politik Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Sabah, Sufian Eddie Matin telah hadir bagi merasmikan program tersebut.

Hadir sama Pengerusi CERAH, Dr Nik Amin Nik Lah dan Ketua Saringan Payudara, Dr Muhammad Amirul Nizam Razi.



**TERIMA KASIH:** Pengerusi KPR, Datin Lucilla Pang memberikan tanda penghargaan kepada Sufian Eddie Matin selepas perasmian majlis berkenaan.



**KOMITED:** Pasukan CERAH menaiki bot dengan bantuan Borneo Marine Research Institute UMS untuk bergerak ke lokasi saringan di Pulau Gaya.



**INFORMASI:** Penduduk Pulau Gaya yang menyertai ceramah untuk meningkatkan kesedaran berkenaan penyakit kanser payudara.